

**PRELIMINARY ANALYSIS OF THE FACTORS INCREASING CROSS-BORDER
MARRIAGE CASES AMONG THE MUSLIM COMMUNITY IN MALAYSIA**

**ANALISIS AWAL TERHADAP FAKTOR-FAKTOR PENINGKATAN KES-KES
PERKAHWINAN MERENTASI SEMPADAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT MUSLIM
DI MALAYSIA**

Wan Abdul Fattah Wan Ismailⁱ, Ahmad Syukran Baharuddinⁱⁱ, Zulfaqar Mamatⁱⁱⁱ, Lukman
Abdul Mutalib^{iv}, Hasnizam Hashim^v & Mohamad Aniq Aiman Alias^{vi}

- ⁱ (*Corresponding author*). Profesor, Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. wanfattah@usim.edu.my
ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. ahmadsyukran@usim.edu.my
ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. zulfaqar@usim.edu.my
^{iv} Professor Madya, Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. lukman@usim.edu.my
^v Pensyarah Kanan, Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. hasnizam@usim.edu.my
^{vi} Pembantu Perunding, Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. aniqalias@raudah.usim.edu.my

Abstract	<i>A cross-border marriage is any type of marriage that takes place outside of the country by utilizing the services of a matchmaker in that country. However, the number of cross-border marriages has recently increased significantly. It is impossible to prevent this problem from occurring in the future. This is because those who want to marry across borders will do so for a variety of reasons. If the cross-border marriage is not registered upon return to Malaysia, it has a variety of consequences for the wife, children, and even family members. Therefore, this study aims to clarify the concept of cross-border marriage, including its definition and some factors that encourage couples to marry in this manner. This study used a qualitative approach to obtain concrete data by conducting semi-structured interviews with stakeholders who manage marriage governance for Muslims in Malaysia. The findings show, cross-border marriage is any type of marriage made abroad or through a specific syndicate, and there are several main factors that encourage couples to marry cross-border. The desire for polygamy, did not get family permission, reluctance of the couple to follow the marriage procedure, lack of exposure to the marriage procedure in Malaysia, couples who have been together, and the easy way to get married are among the main factors of cross-border marriages. We hope that this study will provide appropriate exposure to Malaysia's Muslim community about this issue and that all parties will play an important role in addressing this issue so that such cases can be reduced.</i> Keywords: <i>Marriage, Cross-border, Islamic, Family, Law.</i>
Abstrak	<i>Perkahwinan merentasi sempadan adalah sebarang bentuk urusan pernikahan yang dijalankan di luar negara dengan menggunakan khidmat jurunikah di negara tersebut. Namun sejak akhir-akhir ini, peningkatan</i>

	<i>perkahwinan merentasi sempadan meningkat dengan begitu ketara sekali. Untuk menyekat isu ini dari terus berlaku adalah suatu perkara yang mustahil untuk direalisasikan. Hal ini kerana pihak yang ingin berkahwin secara rentas sempadan akan menggunakan pelbagai cara dan alasan untuk ia direalisasikan. Terdapat pelbagai kesan dari perkahwinan merentasi sempadan sama ada kepada isteri, anak-anak dan juga ahli keluarga sekiranya ia gagal didaftarkan sekembalinya ke Malaysia. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memperjelaskan konsep perkahwinan merentasi sempadan seperti definisi dan beberapa faktor-faktor yang mendorong pasangan untuk berkahwin dengan cara tersebut. Untuk mendapatkan data yang konkrit, kajian ini telah menggunakan pendekatan secara kualitatif melalui kaedah temu bual separa berstruktur bersama pihak berkepentingan yang menguruskan tadbir urus perkahwinan bagi umat Islam di Malaysia. Hasil daripada kajian yang telah dibuat, perkahwinan merentasi sempadan adalah sebarang bentuk urusan pernikahan yang dibuat di luar negara atau menggunakan sindiket tertentu dan terdapat beberapa faktor-faktor utama yang telah dikenal pasti yang mendorong pasangan untuk berkahwin secara rentas sempadan. Antara faktor-faktor utama berlakunya perkahwinan merentasi sempadan adalah kerana keinginan untuk berpoligami, tidak mendapat keizinan keluarga, keengganan pasangan untuk mengikut prosedur nikah, kurang pendedahan terhadap prosedur perkahwinan di Malaysia, pasangan yang telah terlanjur dan jalan mudah untuk berkahwin. Harapan penyelidik agar kajian ini dapat memberi pendedahan sewajarnya kepada masyarakat Muslim di Malaysia berkaitan isu ini dan semua pihak memainkan peranan yang penting dalam membendung masalah ini agar kes sebegini dapat dikurangkan.</i> Kata Kunci: <i>Perkahwinan, Rentas Sempadan, Undang-Undang Keluarga Islam.</i>
--	--

PENDAHULUAN

Di Malaysia, mana-mana pasangan Muslim yang ingin berkahwin tertakluk kepada undang-undang keluarga Islam (UUKI) (Alias, 2022). Sesuatu perkahwinan itu akan dianggap sah sekiranya pasangan tersebut mematuhi peruntukkan yang telah ditetapkan oleh undang-undang keluarga Islam oleh setiap negeri di Malaysia (Wan Ismail et al., 2022a). Walau bagaimanapun, masih terdapat juga pasangan yang mengambil jalan mudah dengan berkahwin secara rentas sempadan untuk memenuhi hawa nafsu semata-mata.

Secara umumnya, perkahwinan merentasi sempadan boleh ditakrifkan sebagai perkahwinan tanpa kebenaran dari Pendaftar Perkahwinan di setiap negeri dan hakim di Mahkamah Syariah di setiap negeri (Md Said et al., 2020). Selain itu, perkahwinan merentasi sempadan juga cukup sinonim dengan masyarakat Malaysia yang mengadakan perkahwinan di luar negara seperti di wilayah Songkla, Yala, Narathiwat, Satun dan Pattani. Isu berkaitan perkahwinan merentasi sempadan telah mencetuskan banyak implikasi khususnya dalam hal berkaitan pengesahan pendaftaran perkahwinan dan juga boleh memberi kesan kepada status kelahiran anak dan timbul permasalahan dalam pewarisan harta pusaka. Perlu difahami bahawa, tidak semua perkahwinan tersebut adalah sah mengikut syarak, lebih-lebih lagi bagi pernikahan yang menggunakan khidmat sindiket (Wan Ismail et al., 2022b). Oleh itu, isu ini perlulah dilihat secara serius oleh semua pihak. Dalam kajian ini, penyelidik akan membincangkan konsep perkahwinan merentasi sempadan, tahap kritikalnya isu perkahwinan merentasi sempadan pada masa kini dan faktor-faktor penyumbang kepada berlakunya perkahwinan merentasi sempadan khususnya dalam kalangan pasangan Muslim di Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

Sebelum kajian ini dijalankan, terdapat beberapa kajian lepas yang telah membincangkan berkaitan isu perkahwinan merentasi sempadan. Walau bagaimanapun, masih wujud kelompangan dalam mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada berlaku perkahwinan merentasi sempadan khususnya dalam kalangan pasangan Muslim di Malaysia. Sebaliknya kajian sebelumnya hanya tertumpu pada perbincangan berkaitan konsep perkahwinan secara umum dan kesan di sebalik perkahwinan merentasi sempadan.

Secara umumnya, perkahwinan merentasi sempadan ialah sebarang urusan pernikahan yang dijalankan di luar negara dengan menggunakan khidmat jurunikah di negara tersebut (Md Said et al., 2020). Perkahwinan merentasi sempadan bukanlah suatu isu yang baru, bahkan ia begitu sinonim dengan masyarakat Malaysia seperti perkahwinan di Narathiwat dan Songkhla, Selatan Thailand. Majlis perkahwinan yang meriah sudah semestinya menjadi idaman setiap insan, namun timbul persoalan, mengapa masih wujud segelintir pasangan yang sanggup untuk mengelak dari mengadakan majlis perkahwinan yang meriah dan memilih untuk mengadakannya secara ringkas tanpa dihadiri rakan taulan mahupun sanak saudara?

Sesetengah berpendapat dengan melangsungkan perkahwinan mereka di Selatan Thailand, ia menjadi lebih mudah, ringkas dan murah berbanding di negara Malaysia (Abdul Rahim, 2022). Tidak kurang juga perkahwinan merentasi sempadan berlaku disebabkan pasangan tidak mendapat restu keluarga, mereka yang sudah terlanjur, masalah kewangan untuk mengadakan majlis perkahwinan dan suami yang ingin berpoligami (Ahmad Zakhi, 2015). Dalam keratan akhbar Sinar Harian (2019) menyatakan bahawa; Pejabat Konsul Malaysia di Songkhla Thailand telah merekodkan peningkatan dalam permohonan rakyat Malaysia untuk mendapatkan surat pengesahan pernikahan di selatan Thailand sejak dari tahun 2011. Sebanyak 4,653 permohonan surat pengesahan pernikahan diterima tahun lepas berbanding 4,375 pada 2017. Menurut Konsul Jeneralnya iaitu Mohd Afandi Abu Bakar, berdasarkan kepada statistik, pejabat itu menerima 2,885 permohonan pada tahun 2011, sebanyak 3,463 (2012), diikuti 3,485 (2013), 3,831 (2014), 4,081 (2015) dan 4,178 (2016).

Ini menunjukkan, kes-kes sebegini perlulah dilihat secara serius. Hal ini kerana, jika diabaikan dan tanpa tindakan atau pengawalan sewajarnya, ia bakal menjadi gejala yang boleh merosakkan institusi keluarga. Pasangan yang ingin berkahwin di negara jiran seperti di Selatan Thailand dan lain-lain tidak memikirkan risiko yang bakal mereka hadapi terutamanya jika perkahwinan tidak didaftarkan. Perlu difahami bahawa tidak semua perkahwinan tersebut sah mengikut hukum Syarak, lebih-lebih lagi bagi pernikahan yang menggunakan khidmat sindiket.

Kajian sebelumnya banyak memfokuskan berkaitan konsep perkahwinan merentasi sempadan secara umum dan kesan di sebalik perkahwinan tersebut. Walau bagaimanapun, masih tiada kajian khusus yang membincangkan berkaitan punca-punca yang mendorong pasangan Muslim di Malaysia untuk berkahwin secara rentas sempadan. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti apakah faktor-faktor penyumbang pasangan Muslim di Malaysia untuk berkahwin secara merentasi sempadan. Tujuannya adalah agar pihak berkuasa dan masyarakat umum di Malaysia didedahkan sebaik mungkin berkaitan isu ini dan mengambil jalan yang proaktif dalam mengurangkan kes-kes sebegini daripada terus meningkat pada masa akan datang.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Kaedah temu bual separa berstruktur dilaksanakan terhadap informan kajian iaitu pihak berkepentingan yang menguruskan tadbir urus perkahwinan bagi umat Islam di Malaysia. Dapatan dalam bahagian seterusnya adalah hasil analisis secara sistematik berasaskan pengalaman daripada pihak berkepentingan yang terlibat dengan isu-isu perkahwinan bagi Muslim di Malaysia. Antara pihak yang terlibat adalah seperti pegawai bahagian undang-undang keluarga negeri, bahagian sokongan keluarga di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

(JKSM), pegawai dari jabatan hal ehwal negeri, pegawai dari bahagian penguat kuasa agama, peguam Syarie, pegawai dari setiap agama jajahan yang terpilih, dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (rujuk Jadual 1).

No.	Nama Informan Kajian	Institusi	Kod Informan Kajian
1	Ustaz Mohd Suhaimi bin Mohamed	Bahagian Undang-Undang Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK)	Informan Kajian, IK1
2	Ustaz Rozimi bin Zamri	Bahagian Perkahwinan Dan Pembangunan Keluarga, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)	Informan Kajian 2, IK2
3	Tuan Mohamad Zakian bin Dio	Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)	Informan Kajian 3, IK3
4	Ustaz Che Musa bin Che Hama	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS)	Informan Kajian 4, IK4
5	YBhg Haji Ahmad Nizam bin Amiruddin	Jabatan Agama Islam Perak	Informan Kajian 5, IK5
6	Puan Raihan binti Muhamad	Rijal Raihan & Co	Informan Kajian 6, IK6
7	Ustaz Naim bin Md Ghazali	Pejabat Agama Jajahan Pasir Mas	Informan Kajian 7, IK7
8	Ustaz Abdullah bin Mohamed	Pejabat Agama Jajahan Tanah Merah	Informan Kajian 8, IK8
9	Ustazah Nor Asniah binti Mohd Noh	Cawangan Pembangunan Keluarga Unit NCR Dalam dan Luar Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	Informan Kajian 9, IK9
10	Ustaz Nik Nizam bin Nik Mohd Nasir	Pejabat Agama Jajahan Machang	Informan Kajian 10, IK10
11	Ustaz Mohd Ibrisham bin Jalaluddin	Pejabat Agama Jajahan Jeli	Informan Kajian 11, IK11

Jadual 1: Maklumat Informan Kajian

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Konsep Perkahwinan Merentasi Sempadan

Perkahwinan merentasi sempadan ialah istilah yang merujuk kepada sebarang urusan perkahwinan yang dijalankan di luar negara dengan menggunakan khidmat jurunikah di negara tersebut. Ia juga merupakan salah satu kaedah alternatif yang digunakan untuk berkahwin antara pasangan Muslim di Malaysia (Md Said et al., 2020). Selain itu, perkahwinan merentasi sempadan juga sinonim dengan perkahwinan tanpa kebenaran di mana pasangan berkahwin melalui sindiket tertentu tanpa kebenaran pihak wali dan juga Pendaftar Nikah, Cerai dan Ruju' (NCR) dari pihak majlis agama (Ariffin, 2009). Para ulama'

cenderung menyatakan bahawa perkahwinan tanpa kebenaran seperti yang berlaku dalam perkahwinan merentasi sempadan ini perlu dilihat dari sudut kewujudan dan persetujuan wali dalam perkahwinan. Oleh itu, perkahwinan yang dijalankan tanpa persetujuan wali juga merupakan perkahwinan tanpa kebenaran dan turut berlaku dalam isu perkahwinan merentasi sempadan.

Contoh kes perkahwinan tanpa kebenaran adalah kes bernombor pendaftaran 09001-010-0658-2006. Dalam kes ini, pasangan tersebut telah membuat permohonan pendaftaran semula perkahwinan yang difailkan di Mahkamah Syariah Kangar, Perlis. Mengikut fakta kes, plantif bernikah dengan defendan pada 10 Oktober 2005 di Wilayah Setul, Selatan Thailand dengan menggunakan wali hakim yang bertauliah. Kedua pasangan ini mengambil jalan singkat dengan melangsungkan perkahwinan di Thailand kerana tidak mendapat restu daripada wali pengantin perempuan. Sebelum pernikahan, kedua-duanya adalah seorang dara dan teruna. Dalam kes ini, Mahkamah memutuskan bahawa mereka bersalah dari sudut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perlis 2006. Mereka didapati telah berkahwin tanpa kebenaran di Thailand tanpa mendapat persetujuan daripada Pendaftar NCR mukim yang diduduki (Fail kes Mahkamah Syariah Kangar, Perlis tahun 2006, bilangan kes: 09001-010-0658-2006).

Sebagai kesimpulannya, perkahwinan merentasi sempadan adalah sebarang bentuk aktiviti atau urusan pernikahan yang dibuat di luar negara atau menggunakan sindiket. Walaupun urusan perkahwinan merentasi sempadan ini dilihat mudah, ringkas dan murah berbanding perkahwinan di Malaysia, namun terdapat implikasinya jika pendaftaran tidak dibuat di Malaysia seperti menyukarkan proses tuntutan di Mahkamah berkaitan urusan pernikahan, perceraian atau tuntutan harta sepencarian dan harta pusaka, anak-anak tidak boleh didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) kerana tidak memiliki sijil nikah Malaysia, anak-anak tidak dapat didaftarkan di sekolah kerajaan pada tahun satu kerana pendaftaran tersebut memerlukan sijil nikah ibu bapa dan sebagainya.

Tahap Kritikalnya Isu Perkahwinan Merentasi Sempadan Pada Masa Kini

Ramai yang melihat kes-kes berkaitan perkahwinan merentasi sempadan sebagai isu yang remeh dan terpencil. Namun, perlu diperjelaskan bahawa, tanpa tindakan atau pengawalan yang sewajarnya, ia bakal menjadi gejala yang boleh merosakkan institusi kekeluargaan. Penyelidik telah menemu bual beberapa informan kajian untuk melihat tahap kritikalnya isu berkaitan perkahwinan merentasi sempadan yang berlaku pada masa kini. Hasil temu bual adalah seperti berikut:

Isu ini juga boleh dikatakan meningkat daripada setahun ke setahun. Selain dari apa yang disebutkan tadi, kita dapat lihat; orang yang hendak berkahwin kebiasaannya dia akan menggunakan apa cara untuk membolehkan dia berkahwin di selatan Thailand.

(Informan kajian 1, IK1)

...perkahwinan merentasi sempadan ni memang agak kritikal *la* juga.

(Informan kajian 6, IK6)

...secara keseluruhannya kita memandangkan benda itu agak kritikal. Melihat; satu melihat kepada statistik dan melihat kepada pengurusan untuk kita menguruskan hal ini macam seolah-olah macam *takde* penghujungnya.

(Informan kajian 9, IK9)

Kritikal memang sangat banyak *lah*.

(Informan kajian 10, IK10)

Menurut kesemua informan kajian di atas, isu berkaitan dengan perkahwinan merentasi sempadan dilihat memang dikatakan tidak berkurang dan suatu isu yang kritikal. Hal ini terbukti apabila informan kajian menyatakan bahawa, kes-kes sebegini dilihat semakin meningkat dari tahun ke tahun. Kenyataan ini juga turut disokong oleh informan kajian 2 (IK2). Petikan temu bual adalah seperti berikut:

Okay bagi saya, dia dari sudut angka dia kritikal *lah*. Sebagai contoh, saya bagi statistik pendaftaran perkahwinan *lah* yang kita rekod dari 2016 sehingga 2020.

(Informan kajian 2, IK2)

Selain itu, kenyataan ini turut disokong oleh hasil temu bual bersama informan kajian 3 (IK3), di mana beliau berpendapat; berdasarkan data-data yang terkumpul iaitu kes-kes yang dilaporkan menunjukkan bahawa kes-kes sebegini adalah meningkat. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa isu berkaitan perkahwinan merentasi sempadan ini dilihat isu yang sangat serius kerana kes-kes berkaitan dengannya sentiasa meningkat dari tahun ke tahun.

Kalau melihat kepada statistik iaitu berdasarkan data nombor, kritikal *lah*. Kes ini semakin bertambah. Berdasarkan nombor semasa, dalam 80% tu, bagi saya meningkat dan nombor itu tak berubah atau di *reduce* pun. Masa PKP *je*, sebab tak boleh rentas sempadan.

(Informan kajian 3, IK3)

Berdasarkan hasil temu bual daripada kesemua informan kajian tersebut, dapat disimpulkan bahawa, isu berkaitan perkahwinan merentasi sempadan ini dilihat sangat membimbangkan berdasarkan kepada kes-kes yang dilaporkan dari tahun ke tahun semakin meningkat. Bagi penelitian penyelidikan terhadap hasil temu bual yang telah dijalankan, isu berkaitan perkahwinan merentasi sempadan ini dilihat sentiasa meningkat dari tahun ke tahun. Berlaku sedikit penurunan pada tahun 2019-2020 hanya disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang mengehadkan pergerakan rakyat Malaysia. Penyelidik berpendapat bahawa, isu berkaitan perkahwinan merentasi sempadan perlulah dilihat secara serius dari segi cara untuk mengurangkan kes-kes sebegini dari terus meningkat. Hal ini kerana, terdapat implikasi negatif yang akan timbul di kemudian hari. Pada bahagian seterusnya, penyelidik akan mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada berlakunya perkahwinan merentasi sempadan.

Faktor-Faktor Penyumbang kepada Berlakunya Perkahwinan Merentasi Sempadan dalam Kalangan Masyarakat Muslim di Malaysia

Penyelidik juga turut menemu bual informan kajian untuk melihat faktor-faktor penyumbang kepada berlakunya perkahwinan merentasi sempadan. Hasil temu bual menunjukkan, terdapat beberapa faktor utama yang mempengaruhi pasangan untuk berkahwin di luar sempadan hasil daripada data yang diperoleh dari hasil temu bual. Faktor-faktor yang dimaksudkan adalah seperti keinginan untuk berpoligami, tidak mendapat keizinan keluarga, keengganan pasangan untuk mengikut prosedur nikah, kurang pendedahan terhadap prosedur perkahwinan di Malaysia, pasangan yang telah terlanjur dan jalan mudah untuk berkahwin.

Keinginan Untuk Berpoligami

Kebanyakan informan kajian yang telah ditemu bual bersetuju bahawa keinginan untuk berpoligami merupakan salah satu faktor utama yang mempengaruhi kebanyakan pasangan lelaki dan perempuan untuk berkahwin secara merentasi sempadan. Hasil temu bual adalah seperti berikut:

Biasanya mereka yang berkahwin secara rentas sempadan ni ialah nak berpoligami *lah* bagi saya. Isu ingin berpoligami.

(Informan kajian 1, IK1)

Majoritinya yang merentasi sempadan ini, mereka yang nak berpoligami *lah*.

(Informan kajian 2, IK2)

Rekod kita menunjukkan bahawa; poligami pertama.

(Informan kajian 4, IK4)

Kebanyakan isunya adalah poligami. Bila kita tanya kenapa; kerana dia tak nak bagi tahu isterinya, kerana pihak Mahkamah akan memanggil isteri *kan*. Tujuannya adalah untuk menyembunyikan daripada pengetahuan isteri yang pertama.

(Informan kajian 5, IK5)

Kebanyakannya berpunca daripada restu ibu bapa dan juga poligami.

(Informan kajian 7, IK7)

Kebanyakan *hok* nikah alik Siam banyaknya nak poligami.

(Informan kajian 8, IK8)

Kalau kita bincang factor, pertama sekali adalah masalah poligami.

(Informan kajian 10, IK10)

Hasil temu bual di atas menunjukkan, rata-rata informan kajian bersetuju bahawa poligami adalah salah satu punca utama yang mendorong pasangan untuk berkahwin secara rentas sempadan. Secara umumnya, poligami boleh ditakrifkan sebagai menghimpunkan lebih dari satu, dua atau had maksimumnya empat orang isteri dalam satu masa (Md Said et al., 2020). Secara umumnya, Islam mengharuskan berpoligami bagi mana-mana pasangan lelaki yang berkemampuan. Firman Allah SWT dalam Surah an-Nisā':

﴿وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَىٰ وَثُلَّةَ ۖ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ ذَلِكَ أَدْنَىٰ ۖ أَلَّا تَعُولُوا﴾

Maksudnya: "Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman". (al-Quran. An-Nisā': 3).

Sungguhpun begitu, walaupun Islam membenarkan berpoligami, setiap pemohon haruslah mematuhi setiap peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan. Tujuannya adalah untuk berlaku adil dan tidak menzalimi hak dan kewajipan yang ditetapkan bagi setiap isteri dan juga anak-anak (Nik Badli Shah, 2012). Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam Al-Quran:

﴿وَلَنْ تَسْتَطِيعُوا أَنْ تَعْدِلُوا بَيْنَ النِّسَاءِ وَلَوْ حَرَصْتُمْ ۖ فَلَا تَمِيلُوا كُلَّ الْمِيلِ فَتَدْرُواهَا كَالْمُعَلَّقَةِ ۚ وَإِنْ تُصْلِحُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَحِيمًا﴾

Maksudnya: *“Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak melakukannya); oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau (berat sebelah kepada isteri yang kamu sayangi) sehingga kamu biarkan isteri yang lain seperti benda yang tergantung (di awan-awan); dan jika kamu memperbaiki (keadaan yang pincang itu), dan memelihara diri (daripada perbuatan yang zalim), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”*. (al-Quran. An-Nisā': 129)

Ayat ini menunjukkan bahawa, keadilan adalah menjadi syarat utama bagi pasangan yang ingin berpoligami. Mohd Shah & Meerangani (2021) menyatakan elemen keadilan ini dinilai menerusi peruntukkan nafkah, giliran bermalam dan kasih sayang yang diberikan secara sama rata. Bagi permohonan untuk berpoligami, undang-undang keluarga Islam telah menetapkan prosedur yang khusus untuk berpoligami. Seksyen 23 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] telah memperuntukkan syarat-syarat untuk berpoligami hendaklah dipatuhi. Seksyen 23 menyatakan:

Seksyen 23. Poligami.

(1) Tiada seseorang lelaki boleh berkahwin dengan seorang lain dalam masa dia masih beristerikan isterinya yang sedia ada kecuali dengan terlebih dahulu mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada Hakim *Syar'iah*, dan jika dia berkahwin sedemikian tanpa kebenaran tersebut maka perkahwinan itu tidak boleh didaftarkan di bawah Akta ini.

(2) Subseksyen (1) terpakai bagi perkahwinan dalam Wilayah Persekutuan seseorang lelaki yang bermastautin dalam atau di luar Wilayah Persekutuan dan perkahwinan di luar Wilayah Persekutuan seseorang lelaki yang bermastautin dalam Wilayah Persekutuan.

(3) Permohonan untuk kebenaran hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah mengikut cara yang ditetapkan dan hendaklah disertai dengan suatu akuan berkanun menyatakan alasan-alasan mengapa perkahwinan yang dicadangkan itu dikatakan patut dan perlu, pendapatan pemohon pada masa itu, butir-butir komitmennya dan kewajipan dan tanggungan kewangannya yang patut ditentukan, bilangan orang tanggungannya, termasuk orang-orang yang akan menjadi orang tanggungannya berikutan dengan perkahwinan yang dicadangkan itu, dan sama ada izin atau pandangan isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada telah diperolehi atau tidak terhadap perkahwinan yang dicadangkan itu.

(4) Apabila menerima permohonan itu, Mahkamah hendaklah memanggil pemohon dan isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada supaya hadir apabila permohonan itu didengar, yang hendaklah dilakukan dalam mahkamah tertutup, dan Mahkamah boleh memberi kebenaran yang dipohon itu jika berpuas hati -

(a) bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu adalah patut dan perlu, memandang kepada, antara lain, hal-hal keadaan yang berikut, iaitu, kemandulan, keuzuran jasmani, tidak layak dari segi jasmani untuk perisetubuhan, sengaja ingkar mematuhi perintah untuk pemulihan hak-hak perisetubuhan, atau gila di pihak isteri atau isteri-isteri yang sedia ada;

(b) bahawa pemohon mempunyai kemampuan yang membolehkan dia menanggung, sebagaimana dikehendaki oleh Hukum *Syara'*, semua isteri dan orang tanggungannya, termasuk orang-orang yang akan menjadi orang-orang tanggungannya berikutan dengan perkahwinan yang dicadangkan itu;

(c) bahawa pemohon akan berupaya memberi layanan sama rata kepada semua isterinya mengikut kehendak Hukum *Syara'*;

(d) bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu tidak akan menyebabkan *darar syarie* kepada isteri atau isteri-isteri yang sedia ada; dan

(e) bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu tidak akan merendahkan secara langsung atau secara tak langsung taraf kehidupan yang telah dinikmati dan dijangka dengan munasabah akan dinikmati seterusnya oleh isteri atau isteri-isteri dan orang-orang tanggungannya yang sedia ada sekiranya perkahwinan itu tidak berlaku.

(5) Satu salinan permohonan di bawah subseksyen (3) dan akuan berkanun yang dikehendaki oleh subseksyen itu hendaklah disampaikan bersama dengan surat panggilan ke atas tiap-tiap isteri yang sedia ada.

(6) Mana-mana pihak yang terkilang atau tidak puas hati dengan apa-apa keputusan Mahkamah boleh merayu terhadap keputusan itu mengikut cara yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran bagi rayuan dalam perkara sivil.

(7) Seseorang yang berkahwin bersalahan dengan subseksyen (1) hendaklah membayar dengan serta-merta semua jumlah mas kahwin dan pemberian yang kena dibayar kepada isteri atau isteri-isteri yang sedia ada, dan jumlah itu, jika tidak dibayar sedemikian, boleh dituntut sebagai hutang.

(8) Acara bagi akad nikah dan pendaftaran sesuatu perkahwinan di bawah seksyen ini adalah serupa dalam serba perkara dengan yang dipakai bagi perkahwinan-perkahwinan lain yang diakadnikahkan dan didaftarkan dalam Wilayah Persekutuan di bawah Akta ini.

Seksyen ini menunjukkan, pihak suami hendaklah mempunyai kemampuan yang membolehkan dia menanggung semua isteri dan orang tanggungannya bahawa dia berupaya memberi layanan sama rata sesama isterinya. Ini menunjukkan, seseorang individu yang ingin berpoligami terikat dengan prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak Mahkamah. Pemohon perlu mengajukan afidavit sokongan berserta justifikasi permohonan kepada pihak Mahkamah Tinggi Syariah untuk mendapatkan permohonan untuk berpoligami. Seterusnya, Mahkamah akan membuat penilaian terhadap justifikasi permohonan poligami tersebut dari aspek iaitu:

- i. status pendapatan pemohon;
- ii. maklumat berkaitan komitmen yang ditanggung seperti bayaran nafkah dan;
- iii. hutang dan lain-lain.

Ini dapat dilihat dalam kes Syed Othman bin Syed Abdullah dengan pasangannya Ema Malisa binti Bogi [Kes Mal bil: 01003-010-333/03]. Pasangan ini telah melangsungkan perkahwinan di Wilayah Songkhla, Thailand dengan menggunakan wali hakim. Alasan yang diberikan oleh pihak lelaki ialah kerana isteri pertamanya tidak setuju dan prosedur permohonan poligami adalah sukar sedangkan beliau amat memerlukan zuriat, memandangkan sehingga kini beliau masih belum dikurniakan zuriat bersama isteri terdahulu. Selain itu, ini juga dapat dilihat dalam kes Samsuri bin Saar dan pasangannya Nor Rahsidah Binti Abdullah. Samsuri yang merupakan warganegara Malaysia dan Rahsidah, warganegara Indonesia telah melangsungkan perkahwinan mereka di Thailand, setelah hasrat mereka ditentang oleh isteri pertama Samsuri. Hubungan rapat antara kedua-dua pemohon mendorong mereka untuk berkahwin bagi mengelakkan sebarang perlakuan yang menyalahi syarak tanpa sebarang ikatan yang sah. Oleh itu, tidak hairanlah pasangan yang ingin berpoligami mengambil jalan mudah dengan berkahwin merentasi sempadan.

Tidak Mendapat Keizinan Keluarga

Selain itu, informan kajian turut menyatakan bahawa, keengganan dari pihak keluarga terhadap pasangan yang ingin berkahwin juga merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada peningkatan dalam isu ini. Hasil temu bual adalah seperti berikut:

...biasanya yang berlaku; keengganan pihak keluarga dan sebagainya, sedangkan dia sudah pun terlanjur. Jadi akhir sekali, dia mengambil keputusan untuk berkahwin di sempadan.

(Informan kajian 1, IK 1)

Dan yang kedua ada juga kes kebanyakan calon menantu ini tidak kira perempuan ataupun lelaki tidak mendapat restu keluarga lah.

(Informan kajian 2, IK 2)

Pahtu yang ketiganya, wali tak bagi. Halangan keluarga *laa*.

(Informan kajian 6, IK 6)

Kebanyakannya berpunca daripada restu ibu bapa dan juga poligami. Dua tu *jah* banyak. *Hmm*. Restu Ibu bapa dan masalah, masalah poligami makna restu, restu wali *lah*.

(Informan kajian 7, IK 7)

Yang kedua isu masalah tidak dapat restu dari ibu bapa yang ini susah juga.

(Informan kajian 10, IK 10)

Pertamanya kita melihat kepada kekangan apabila wali enggan memberi kebenaran, memberi apa pasangan tadi telah mengambil sikap yang mudah ada masalah kahwin lagi ada masalah kahwin lagi.

(Informan kajian 11, IK 11)

Hasil temu bual ini menunjukkan, kebanyakan mereka yang berkahwin secara rentas sempadan adalah disebabkan keengganan pihak keluarga. Secara umumnya, persetujuan pengantin perempuan adalah diberi oleh walinya. Seksyen 13 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] menyebut:

Seksyen 13. Persetujuan dikehendaki.

Sesuatu perkahwinan adalah tidak diakui dan tidak boleh didaftarkan di bawah Akta ini melainkan kedua-dua pihak kepada perkahwinan itu telah bersetuju terhadapnya, dan sama ada -

- (a) wali pihak perempuan telah bersetuju terhadap perkahwinan itu mengikut Hukum *Syara'*; atau
- (b) Hakim *Syar'iah* yang mempunyai bidang kuasa di tempat di mana pihak perempuan itu bermastautin atau seseorang yang diberi kuasa secara am atau khas bagi maksud itu oleh Hakim *Syar'iah* itu telah, selepas penyiasatan wajar di hadapan semua pihak yang berkenaan, memberi persetujuannya terhadap perkahwinan itu oleh wali Raja mengikut Hukum *Syara'*; persetujuan tersebut boleh diberi jika perempuan tiada mempunyai wali dari nasab mengikut Hukum *Syara'*.

Peruntukkan di atas merupakan suatu cara untuk mendapatkan persetujuan dari kedua-dua belah pihak sama ada wali ataupun perempuan. Hal ini bertujuan agar perkahwinan yang dibina nanti tidak menjadi masalah. Walau bagaimanapun, kesan dari wujudnya wali enggan menyebabkan pasangan memilih untuk berkahwin secara merentasi sempadan. Selain itu, informan kajian turut menyatakan bahawa, terdapat juga keluarga yang tidak memberi keizinan kepada anak-anak mereka untuk berkahwin sedangkan mereka sudah pun terlanjur. Akhirnya, mereka memilih untuk berkahwin di luar sempadan.

Seterusnya, pasangan yang tidak mendapat restu atau izin dari keluarga juga membawa pasangan untuk berkahwin secara merentasi sempadan. Ini dapat dilihat dalam kes *Husin Iwn Saayah dan Mat Hassan* (Perlis Kes Mal 36/80) di mana plaintif merupakan bapa kepada responden pertama memohon mahkamah membatalkan pernikahan tersebut kerana ia nya berlaku tanpa izin di Pulau Panjang, Setol, Thailand. Mahkamah telah memutuskan akad nikah tersebut batal atas alasan tiada izin wali serta tiada *wakalah* atau wali Raja diperoleh. Sebagai kesimpulannya, kebanyakan pasangan Muslim yang berkahwin secara merentasi sempadan juga adalah disebabkan faktor keengganan dari ahli keluarga.

Keengganan Mengikut Prosedur Nikah

Hasil temu bual menunjukkan bahawa, keengganan untuk mengikut prosedur perkahwinan yang telah ditetapkan oleh Undang-Undang Keluarga Islam (UUKI) juga merupakan salah satu faktor penyumbang kepada peningkatan dalam isu perkahwinan merentasi sempadan. Secara umumnya, setiap perkahwinan yang diadakan di Malaysia perlulah mematuhi prosedur yang telah ditetapkan oleh undang-undang Keluarga Islam di setiap negeri masing-masing. UUKI ini telah menggariskan panduan bahawa, mana-mana yang ingin mengadakan perkahwinan hanya boleh diijabkabulkan oleh individu yang tertentu seperti wali mujbir, di hadapan pendaftar, melalui wakil daripada wali *ijbar*, di hadapan dan dengan keizinan pendaftar perkahwinan, pendaftar itu sendiri dengan keizinan daripada wali *ijbar* dan wali raja yang kebiasaannya merupakan hakim di Mahkamah Syariah Seksyen 7(1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303].

Seksyen 7(1). Orang yang boleh mengadnikahkan perkahwinan.

(1) Sesuatu perkahwinan di Wilayah Persekutuan hendaklah mengikut peruntukan Akta ini dan hendaklah diakadnikahkan mengikut Hukum Syara' oleh-

- (a) wali di hadapan Pendaftar;
- (b) wakil wali di hadapan dan dengan kebenaran Pendaftar; atau;
- (c) pendaftar sebagai wakil wali.

Informan kajian menyatakan bahawa, mereka yang berkahwin secara merentasi sempadan ini adalah mereka yang tidak mahu mengikut prosedur pernikahan yang telah ditetapkan kerana merasakan prosedur tersebut adalah menyusahkan dan terlalu lama (Ahmad Zakhi, 2015). Hasil temu bual adalah seperti berikut:

Jadi faktor menyumbang yang keempat mereka merasakan tidak mahu mengikut prosedur nikah yang kita telah tetapkan sebab dianggap sesuatu proses ini ataupun sesuatu yang menyusahkan sebab dah tahu menyusahkan sedangkan dari aspek dia berkepentingan dia itu yang susah sulit, birokrasi dan sebagainya tapi dari sudut yang lain kita di pihak yang teraniaya.

(Informan kajian 2, IK 2)

Oleh itu, berdasarkan hasil temu bual daripada informan kajian tersebut, faktor-faktor yang turut menyumbang kepada peningkatan dalam kes-kes perkahwinan merentasi sempadan adalah disebabkan oleh keengganan mengikut prosedur nikah. Bagi penelitian penyelidik, masih wujudnya masyarakat yang beranggapan bahawa prosedur nikah yang telah ditetapkan oleh UUKI adalah sukar dan merumitkan. Oleh itu, diharapkan model yang dihasilkan dapat membantu masyarakat mengubah persepsi terhadap prosedur nikah yang sukar ini.

Kurang Pendedahan terhadap Prosedur Perkahwinan di Malaysia

Seterusnya, hasil temu bual bersama informan kajian menunjukkan bahawa, kurang pendedahan terhadap prosedur perkahwinan di Malaysia juga salah satu faktor yang

menyumbang kepada berlakunya perkahwinan merentasi sempadan. Hasil temu bual adalah seperti berikut:

Dan bagi saya juga, salah satu lagi, dorang sendiri tak tahu tentang prosedur *tu la*. Tak tahu dengan jelas tentang prosedur *tu*. Macam mana prosedur perkahwinan di Malaysia. Sebab kita nak kata kos perkahwinan juga bila kita baca semua kos perkahwinan tinggi. Saya tak rasa kos perkahwinan yang tinggi itu menjadi penyebab nak kahwin dekat sana, sebab bila nak kata kahwin *kat* sana guna ejen pun.

(Informan kajian 9, IK 9).

Hasil temu bual ini menunjukkan, masih terdapat masyarakat yang kurang didedahkan dengan prosedur yang betul untuk mengadakan perkahwinan sehingga mendorong mereka untuk berkahwin secara merentasi sempadan. Secara umumnya, setiap perkara yang berkaitan perkahwinan diselia di bawah Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing. Jabatan Agama Islam Negeri akan mengeluarkan dan mengesahkan sijil perakuan nikah yang mengandungi maklumat diri suami dan isteri, wali, saksi, tarikh dan tempat pernikahan, mahar atau mas kahwin dan hantaran (Ahmad Zakhi, 2015).

Selain itu, terdapat pelbagai jenis borang yang perlu diisi oleh pasangan yang ingin melangsungkan perkahwinan dan mereka juga perlu melalui satu sesi temu duga dan menyertai kursus pra-perkahwinan (Mohamad, 2008). Namun, kurangnya pendedahan terhadap prosedur perkahwinan di Malaysia ini telah mendorong mereka untuk berkahwin secara mudah dan cepat dengan mengadakan perkahwinan secara merentasi sempadan. Oleh itu, pihak berkuasa perlulah mempelbagaikan alternatif agar prosedur berkaitan perkahwinan ini sampai kepada semua lapisan masyarakat.

Pasangan Yang Telah Terlanjur

Selanjutnya, informan kajian turut menyatakan bahawa, pasangan yang berkahwin secara merentasi sempadan adalah disebabkan mereka yang telah terlanjur dan mengandung. Hasil temu bual adalah seperti berikut:

Ok, macam kebanyakan *hok gi* nikah alik sano ni yang pertama *hok* mengandung *doh*.

(Informan kajian 6, IK 6).

Menurut Mohamad (2008), bagi pasangan yang telah terlanjur, mereka hakikatnya lebih terdesak dan sanggup untuk berkahwin dengan pelbagai cara termasuklah secara merentasi sempadan demi menutup maruah yang tercalar. Mereka merasakan bahawa, perkahwinan secara merentasi sempadan ini dilihat jalan terbaik untuk menutup merahsiakan status mereka. Menurut Mohd Hashim (2007) juga, perkahwinan tersebut lebih kepada untuk menjaga maruah mereka dan perkahwinan secara merentasi sempadan dilihat sebagai jalan penyelesaian.

Jalan Mudah Untuk Berkahwin

Akhir sekali, hasil temu bual juga mendapati bahawa, faktor-faktor perkahwinan merentasi sempadan adalah disebabkan ia nya dilihat salah satu inisiatif atau jalan mudah untuk berkahwin. Hasil temu bual adalah seperti berikut:

Berdasar pengalaman *sayalah*, punca berlaku perkahwinan merentasi sempadan ataupun istilah popular nikah larilah, nikah lari *ni* ialah pertamanya pasangan memilih untuk penyelesaian jangka pendek *lah*. Bila mereka berhadapan dengan masalah *ni*, kebanyakannya tidak mengambil langkah yang sepatutnya *lah* mereka melihat kerana hari *ni* satu selesai masalah secara jangka pendek *lah*.

(Informan kajian 7, IK 7)

Demo ni kata kesukaran untuk berurusan untuk nak nikah *lah hoo* untuk nak nikah *lah* bagi pandangan merekalah. Tengok kesukaran *lah haa* dengan pejabat agama baik pejabat mahkamah.

(Informan kajian 8, IK 8)

Pertamanya kita melihat kepada aa kekangan apabila wali enggan memberi kebenaran, memberi apa pasangan tadi telah mengambil sikap yang mudah ada masalah kahwin lagi ada masalah kahwin lagi.

(Informan kajian 11, IK 11)

Hasil temu bual ini menunjukkan bahawa, antara punca lain yang mendorong pasangan untuk berkahwin secara merentasi sempadan adalah disebabkan mereka melihat perkahwinan secara merentasi sempadan ini adalah jalan mudah untuk berkahwin. Kenyataan ini disokong oleh Matthew & Johan (2005) di mana prosedur yang ketat di Malaysia mendorong pasangan untuk berkahwin secara rentas sempadan. Hal ini kerana prosedur yang telah ditetapkan dalam undang-undang keluarga Islam di setiap negeri di Malaysia adalah rumit (Ghulam Khan et al., 2012).

Secara keseluruhannya, terdapat enam punca utama yang menyumbang kepada berlakunya peningkatan isu perkahwinan merentasi sempadan yang telah dikenal pasti oleh penyelidik berdasarkan hasil temu bual bersama informan kajian. Diharapkan kajian ini dapat memberi pendedahan kepada masyarakat Muslim di Malaysia untuk sama-sama bekerjasama dalam membendung kes-kes sebegini daripada terus meningkat pada masa akan datang.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, isu berkaitan perkahwinan merentasi sempadan dilihat salah satu isu yang sangat serius dan kritikal. Hasil temu bual menunjukkan, terdapat beberapa faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan dalam kes-kes sebegini iaitu keinginan untuk berpoligami, tidak mendapat keizinan daripada pihak keluarga, keengganan pasangan untuk mengikut prosedur nikah, kurang pendedahan terhadap prosedur perkahwinan di Malaysia, pasangan yang telah terlanjur dan jalan mudah untuk berkahwin. Oleh itu, semua pihak seharusnya memainkan peranan yang signifikan dalam mengurangkan kes-kes sebegini daripada terus meningkat pada masa akan datang. Penyelidik juga mengharapkan agar kajian ini dapat memberi pendedahan yang sewajarnya berkaitan isu ini dan semua pihak perlulah mengorak langkah memainkan peranan masing-masing dalam membendung faktor-faktor ini daripada akar umbi agar isu-isu ini dapat dikurangkan.

PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Pusat Libat sama Masyarakat dan Jaringan Industri (PLiMJI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) di atas sokongan yang diberikan melalui projek perundingan yang bertajuk "Model Perkahwinan Merentasi Sempadan bagi Pasangan Muslim di Negeri Kelantan", kod perundingan (PLiMJI/PR/266/2/80). Penghargaan juga dirakamkan kepada penyelidik-penyelidik Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di atas kerjasama yang telah diberikan.

RUJUKAN

Al-Quran.

Buku

- Arifin, M. 2009. *Kahwin Lari: Masalah dan Penyelesaiannya*. In: Undang-undang keluarga & prosedur. Ahmad Ibrahim Kulliyah of Laws and Harun M. Hashim Law Centre, International Islamic University Malaysia, Gombak, Selangor, 11-18. ISBN 9789834120351.
- Mohamad, M. N. 2008. *Perkahwinan Luar Negara Tanpa Kebenaran di Selatan Pertama*. Edisi Pertama. Fakulti Pengajian Islam.
- Mohd Hashim, N. 2007. *Prosedur dan pendaftaran perkahwinan*. Dalam Undang-undang Keluarga (Islam). Siri Perkembangan Undang-undang di Malaysia, 14. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1-39.
- Nik Badli Shah, N. N. 2012. *Perkahwinan dan Perceraian di bawah Undang-Undang Islam*. Selangor. International Law Book Services (ILBS).

Jurnal & Prosiding

- Ghulam Khan, I. N., Yusof, N., Hashim, H., & A. Shukor, H. 2012. *Fenomena Nikah Sindiket: Satu Huraian Awal*. Diskusi Syariah dan Undang-Undang, 5, 22-41.
- Matthew, H. A., & Johan, L. 2005. *Frontiers, Sovereignty and Marital Tactics: Comparisons from the Borneo Highlands and the Indonesia-Malaysia Singapore Growth Triangle*. The Asia Pacific Journal of Anthropology, 6(1), 1-17.
- Md Said, M. H., Md Hashim, N., Abdul Hak, N., Che Soh@Yusoff, R., Ahmad Fuzi, F. H., & Yaakob, K. 2020. *Kajian Sosioperundangan Perkahwinan Merentasi Sempadan di Nusantara (Socia Legal Research on Cross-Border Marriage in the Malay Archipelago)*. Journal of Nusantara Studies, 5(2), 129-151.
- Mohd Shah, N., & Meerangani, K. A. 2021. Poligami Tanpa Kebenaran: Kajian Terhadap Kes-Kes di Mahkamah TINGGI Syariah Muar, Johor Tahun 2015-2019. *Jurnal 'Ulwan*, 6(1), 269-277.
- Wan Ismail, W. A. F., Syed Husin, S. N., Baharuddin, A. S., Abdul Mutalib, L., Mamat, Z., & Alias, M. A. A. 2022a. *Konsep Perkahwinan Menurut Perspektif Fiqh dan Undang-Undang Islam di Malaysia*. Proceeding of International Prophetic Conference, (8th), 14-28. <https://swanfpqs.usim.edu.my/index.php/conference/article/view/6>
- Wan Ismail, W. A. F., Mamat, Z., Abdul Mutalib, L., Baharuddin, A. S., Alias, M. A. A., & Syed Husin, S. N. 2022b. *Perwalian dan Isu Berkaitan Dengannya Menurut Syarak dan Perundangan Islam Di Malaysia*. Proceeding of International Prophetic Conference, (8th), 1-13. <https://swanfpqs.usim.edu.my/index.php/conference/article/view/5>

Tesis

- Ahmad Zakhi, M. Z. F. 2015. *Perkahwinan Tidak Mengikut Prosedur: Kajian di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Alias, M. A. A. 2022. *The Falsification of Documents in Marriage Cases under the Civil and Syariah Court in Malaysia: An Appraisal Analysis*. Tesis Sarjana. Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan.

Laman Sesawang

- Nikah Sempadan: Jangan Hanya Fikir Nak Kahwin, Fikir Juga Kemudahan. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/04/942177/nikah-sempadan-jangan-hanya-fikir-nak-kahwin-fikir-juga-kemudahan> (diakses pada 25 November 2022).
- Permohonan surat sah nikah di selatan Thailand meningkat. <https://www.sinarharian.com.my/article/17241/berita/nasional/permohonan-surat-sah-nikah-di-selatan-thailand-meningkat> (diakses pada 19 Disember 2022).

Temu bual

- Ustaz Mohd Suhaimi bin Mohamed. Bahagian Undang-Undang Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK). 27 Februari 2022.
- Ustaz Rozimi bin Zamri. Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Perkahwinan Dan Pembangunan Keluarga, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). 4 Mac 2022.
- Tuan Mohamad Zakian bin Dio. Pengarah Kanan (Kehakiman), Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). 21 Mac 2022.
- Ustaz Che Musa bin Che Hamat. Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Undang-Undang Keluarga Islam, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS). 10 Mac 2022.
- YBhg Haji Ahmad Nizam bin Amiruddin. Ketua Penguat Kuasa Agama, Jabatan Agama Islam Perak. 25 April 2022.
- Puan Raihan binti Muhamad. Peguam Syarie di Rijal Raihan & Co. 12 Mac 2022.
- Ustaz Naim bin Md Ghazali. Pegawai Agama Jajahan Pasir Mas, Pejabat Agama Jajahan Pasir Mas. 18 Mei 2022.
- Ustaz Abdullah bin Mohamed. Pegawai Agama Jajahan Tanah Merah, Pejabat Agama Jajahan Tanah Merah. 17 Mei 2022.
- Ustazah Nor Asniah bin Mohd Noh. Penolong Pengarah Kanan, Cawangan Pembangunan Keluarga Unit NCR Dalam dan Luar Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 19 Mei 2022.
- Ustaz Nik Nizam bin Nik Mohd Nasir. Penolong Pegawai Agama (Dakwah), Pejabat Agama Jajahan Machang. 17 Mei 2022.
- Ustaz Mohd Ibrisham bin Jalaluddin. Pegawai Agama Jajahan Jeli, Pejabat Agama Jajahan Jeli. 23 Mei 2022.

Akta

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303].

Kes

Husin lwn Saayah dan Mat Hassan (Perlis Kes Mal 36/80).

Syed Othman bin Syed Abdullah dengan pasangannya Ema Malisa binti Bogi [Kes Mal bil: 01003-010-333/03].

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.